

## BERITA

► ANWAR SALEH  
anwarsaleh@sph.com.sg

# Tinjauan MDDI: 70% rakyat sokong cara S'pura kendali dasar luar

Mereka percaya pemerintah bertindak demi kepentingan terbaik negara

Kira-kira 70 peratus, atau tujuh daripada 10 warga Singapura, yang ditinjau oleh Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital (MDDI) pada Jun, berkata mereka menyokong cara pemerintah mengendalikan dasar luar dan percaya ia akan bertindak demi kepentingan terbaik negara.

Tinjauan itu menunjukkan rakyat Singapura sangat mengharapkan pemerintah bertindak demi kepentingan terbaik Singapura melangkaui pandangan peribadi mereka terhadap Amerika Syarikat atau China, manakala lebih lapan daripada 10 berpendapat Singapura harus bertindak demi kepentingan terbaiknya dan tidak memihak.

Tinjauan itu dikeluarkan oleh MDDI pada 27 September berikutan keluaran Tinjauan Barometer Asia yang dijalankan oleh Institut Kajian Dasar (IPS) pada 2023, yang

mendapati pengaruh China dalam hal ehwal dunia dilihat lebih positif di Singapura berbanding Amerika.

Kajian itu mendapati rakyat Singapura lebih berkemungkinan menganggap China sebagai baik untuk Asia dan Singapura jika dibandingkan dengan Amerika.

China juga sebahagian besarnya

dilihat oleh rakyat Singapura sebagai negara yang akan mempunyai pengaruh paling besar di Asia dalam tempoh 10 tahun.

MDDI berkata tinjuannya secara konsisten menunjukkan bahawa rakyat Singapura memahami keperluan penting negara untuk dasar luar yang bebas.

"Tinjauan mengenai dasar luar yang dijalankan oleh MDDI pada Jun 2024 mendapati bahawa rakyat Singapura merasakan hubungan dengan Amerika dan China bertambah baik dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Enam daripada 10 rakyat Singapura menilai hubungan dengan

kedua-dua negara sebagai baik atau sangat baik. Enam daripada 10 berasa Singapura harus mengekalkan tahap hubungan semasa dengan Amerika dan China," kata MDDI.

Tinjauan Barometer Asia mendapati bahawa responden menilai China mempunyai pengaruh yang

lebih positif terhadap dunia berbanding Amerika.

Ditanya berkenaan sifat pengaruh kedua negara terhadap Asia, lebih 50 peratus responden berkata China melakukan lebih banyak kebaikan daripada kemudaratan dan mempunyai pengaruh yang lebih positif sedikit berbanding Amerika, yang memperoleh kira-kira 34.3 peratus.

Responden juga melaporkan bahawa tahap pengaruh China ke atas Asia mengatasi Amerika, bukan sahaja sekarang, malah dalam masa 10 tahun, berbanding dengan Amerika, Jepun dan India.

Bagaimanapun, apabila ditanya negara mana yang mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap Singapura, kedua-dua China dan Amerika mendapat markah dengan jurang yang rapat berdasarkan tinjauan yang dijalankan antara 2014 dengan 2023 itu.

China juga dilihat mempunyai pengaruh yang lebih positif terhadap Singapura berbanding Amerika berdasarkan tinjauan yang dilakukan pada 2020 dan 2023.

## SEMPENA BULAN BAHASA

### Teka peribahasa

Sempena Bulan Bahasa, *Berita Harian* (BH) akan memuat naik gambar yang dihasilkan menggunakan kecerdasan buatan (AI) menggambarkan peribahasa yang berbeza setiap hari.

Sila ke laman web <https://www.languagecouncils.sg/mbms/en/-/media/mlc/bb24-programmes.pdf> untuk dapatkan senarai kegiatan Bulan Bahasa 2024.

Cuba teka peribahasa ini.



Sila imbas kod QR untuk mendapatkan jawapannya.



Cuba teka peribahasa yang digambarkan oleh kecerdasan buatan (AI). – Foto hasil KECERDASAN BUATAN (AI)

## Wanita perlu jalani mamogram, kesan barah buah dada awal

► INSYIRAH MOHD SHUKOR  
insyirahms@sph.com.sg

Kes barah buah dada telah meningkat tiga kali ganda sejak 50 tahun lalu, menggariskan kepentingan ujian mamogram dalam kalangan wanita.

Demikian ditekankan isteri Presiden Tharman Shanmugaratnam, Puan Jane Ittogi semasa pelancaran Bulan Kesedaran Barah Buah Dada Kebangsaan (NBCAM) 2024 pada 27 September.

Dalam ucapannya kepada sekitar 100 hadirin dalam acara yang diadakan di Bugis Junction itu, Puan Ittogi turut menekankan kepentingan bagi wanita mengenali risiko barah buah dada dan pengesanan awal.

"Adalah penting bagi wanita memahami badan mereka, dengan melihat jika ada perubahan dari segi rupa dan keselesaan buah dada mereka, supaya mereka dapat mengesan awal dan berjumpa doktor secepat mungkin.

"Saya menggalakkan kita semua supaya memainkan peranan dalam meluaskan usaha mencegah barah buah dada pada peringkat lebih awal," tambah Puan Ittogi.

Dalam satu sidang media sebelum acara pelancaran itu, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur NBCAM 2024 yang juga Konsultan Kanan, Pembedahan Buah Dada dan Endokrin di Hospital Tan Tock Seng, Profesor Juliana Chen, berkata:

"Kaum wanita perlu mengutamakan diri mereka dan menjadi penyokong terbesar bagi diri sendiri.

"Inilah yang kami harapkan dengan tema 'Memperkasakan Wanita' yang disampaikan kepada orang ramai.

"Daripada pemeriksaan awal, di-



Puan Jane Ittogi (empat dari kiri) semasa pelancaran Bulan Kesedaran Barah Buah Dada Kebangsaan (NBCAM) 2024 pada 27 September di Bugis Junction. – Foto BH oleh INSYIRAH MOHD SHUKOR

agnosis, rawatan, dan ketahanan, barah buah dada bukanlah satu perjalanan yang harus dilalui oleh wanita secara bersendirian.

"Keluarga, rakan dan saudaramara harus menggalakkan wanita dalam kehidupan mereka menjalani pemeriksaan buah dada secara tetap, dan berada di sisi mereka jika mereka disahkan menghidap barah buah dada," kata Cik Juliana.

Di samping itu, Puan Ittogi melancarkan lebih 20 kegiatan yang bakal diadakan di seluruh negara sepanjang Oktober bagi menggalakkan dan meningkatkan lagi kesedaran tentang ujian mamogram.

Menurut Tinjauan Kesihatan Penduduk Nasional 2023, hanya sekitar 30 peratus wanita Singapura berusia

antara 50 dengan 69 tahun telah menjalani ujian mamogram dalam tempoh dua tahun yang lalu.

Ini merupakan satu trend penurunan berbanding tahun sebelumnya.

Menurut tinjauan itu, kadar penyertaan pemeriksaan barah buah dada dalam kalangan masyarakat Melayu adalah paling rendah dalam tempoh tiga tahun, dengan hanya 16.9 peratus berbuat demikian.

Kadar pemeriksaan yang rendah diadakan di seluruh negara boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, antaranya termasuk rasa kurang perlu menjalani pemeriksaan mamogram, takut berasa sakit apabila menjalaninya dan apabila mendapat tahu keputusan diagnosis.

## 32 ditangkap, disyaki ambil pekerja haram

Pihak berkuasa telah menahan 32 orang yang disyaki terlibat dalam kesalihan berkaitan pengambilan pekerja haram, kata Kementerian Tenaga Manusia (MOM) pada 27 September.

Antara yang ditahan pada 23 September ialah seorang lelaki berusia 33 tahun, yang disyaki terlibat dalam sindiket yang mengendalikan 28 pusat hiburan yang didaftarkan tetapi tidak aktif, telah didakwa menggajikan pemegang permit kerja sebagai penghibur ketika syarikat itu tidak beroperasi.

Baki 16 lelaki dan 15 wanita ditahan kerana didakwa terlibat dalam membuat pengisytiharan palsu dalam permohonan pas kerja apabila syarikat itu tidak memerlukan mereka, tambah kementerian itu.

Para suspek itu telah ditahan semasa operasi penguatkuasaan seluruh pulau yang dijalankan oleh MOM dan polis di 27 tempat, lapor *The Straits Times*.

Siasatan terhadap para suspek masih diteruskan.

Kementerian itu juga berkata bahawa ia akan mengkaji semula skim Permit Kerja (Artis Persembahan), yang bertujuan membenarkan pusat hiburan awam berlesen mengupah penghibur secara jangka pendek.

Ini berlaku di tengah-tengah trend penyalahgunaan skim itu yang semakin meningkat, tambahna.

Majikan hanya boleh mengambil pekerja asing dengan pas kerja yang sah.



Pegawai dari Kementerian Tenaga Manusia (MOM) menahan seorang lelaki 33 tahun, yang disyaki terlibat dalam sindiket yang mengendalikan 28 pusat hiburan yang didaftarkan tetapi tidak aktif, menggajikan pemegang permit kerja sebagai penghibur ketika syarikat itu tidak beroperasi. – Foto MOM

Kedua-dua majikan dan pemohon dikehendaki membuat pengisytiharan yang tepat, lengkap dan benar kepada Penguasa Pas Kerja.

Warga asing yang bekerja tanpa pas kerja yang sah boleh didenda sehingga \$20,000, penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Jika sabit kesalahan, mereka juga mungkin dihalang daripada bekerja di Singapura.

Begitu juga, mereka yang disabitkan kesalahan membuat pengisytiharan palsu dalam permohonan pas kerja boleh didenda sehingga \$20,000,

penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya.

Selain itu, majikan yang ingkar akan digantung keistimewaan pas kerja mereka, dan pemohon pas kerja juga boleh didakwa dan dihalang daripada bekerja di Singapura.

Orang ramai yang tahu tentang kegiatan pekerjaan haram boleh melaporkan perkara itu kepada kementerian dengan menghubungi 6438-5122 atau e-mel kepada [mom\\_fim-md@mom.gov.sg](mailto:mom_fim-md@mom.gov.sg).

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan.

## Winter Time

**BIGGEST WINTER WEAR & LUGGAGE EVENT IN SINGAPORE**

SALE UP TO **80%** OFF

27 SEPT 2024 - 6 OCT 2024 | 10AM - 10PM | EXPO HALL 6B

@wintertime\_sg | @wintertimesg | www.wintertime.com.sg